

17 JAN 1996

Australia-Hormat

AUSTRALIA SETUJU UNTUK SALING MENGHARGAI DAN MENGHORMATI

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Australia bersetuju dengan Malaysia bahawa kedua-dua negara perlu saling menghargai dan menghormati antara satu sama lain bagi memupuk perhubungan yang lebih baik pada masa akan datang, kata Pesuruhjaya Tinggi Australia, John Dauth hari ini.

Beliau berkata kerajaan Australia sangat menghargai perhubungan dengan Malaysia berasaskan persamaan dan saling hormat-menghormati.

"Sudah tentu asas ini merupakan pendekatan yang baik dan saya yakin Perdana Menteri Australia, Paul Keating bersetuju tetapi tidak perlulah kami menyatakan kami bersetuju setiap masa," kata beliau kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada pemimpin Australia itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang pagi ini.

Keating, diiringi oleh isterinya dan delegasi 19 orang berlepas dari Kuala Lumpur ke Singapura selepas lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Dauth berkata lawatan itu telah berjaya daripada beberapa aspek penting terutama memperbaiki apa-apa perselisihan faham antara kedua-dua negara.

"Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Keating telah berpeluang berjumpa baru-baru ini tetapi saya rasa inilah kali pertama kedua-dua pemimpin itu berpeluang berbincang selama beberapa hari," katanya.

Dauth berkata pemimpin Australia itu gembira dengan perbincangan itu kerana ia sungguh praktikal dan menumpukan kepada perkara yang tertentu.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin itu juga bersetuju supaya ahli-ahli perniagaan Malaysia dan Australia mencari peluang perniagaan di negara satu sama lain. --- BERNAMA